



KATA SAYA

Oleh Rasid Rahaman

Ijazah hanya pengiktirafan bukan jaminan masa depan

B-H M/S 12 11/03/07

E SOK, lebih 400,000 calon yang mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) akan mengetahui keputusan masing-masing. Bagi yang cemerlang mungkin tidak menghadapi masalah melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi, tetapi yang sederhana mungkin terpaksa berusaha lebih untuk mendapatkan tempat kerana persaingannya begitu sengit. Bayangkan, setakat bulan lalu difahamkan Kementerian Pendidikan Tinggi menerima lebih 86,000 permohonan memasuki institut pengajian tinggi awam (IPTA) menerusi aplikasi dalam talian memabitkan lebih 41,000 permohonan bagi program pengajian lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau setaraf dan 45,000 program pengajian lepasan SPM dan setaraf. Jumlah itu tidak termasuk yang mengemukakan permohonan ke luar negara dan institut pengajian tinggi swasta (IPTS). Disebabkan tempat terhad, tentunya ramai daripada calon SPM terbabit walaupun mendapat keputusan baik tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke IPTA. Oleh kerana tiada pilihan mereka terpaksa bersaing di IPTS, institut kemahiran atau terus mencari pekerjaan.

Bagi yang gagal, mereka harus lebih cekal kerana peluang masih ada dan jangan berputus asa. Mereka wajar menjadikan kegagalan itu sebagai batu loncatan untuk meningkatkan pencapaian dalam pelajaran. Mungkin mereka boleh mengambil sekali lagi peperiksaan atau menjalani latihan kemahiran di institusi kemahiran sama ada swasta atau milik kerajaan. Tidak semestinya sekali gagal dalam peperiksaan kita gagal dalam hidup. Tahukah anda golongan yang gagal pada peringkat awal kini ramai berjaya dalam hidup dan ada antara mereka menjadi jutawan di negara ini. Begitu juga yang berjaya memasuki IPTA dan IPTS, semua ini bukan jaminan bagi seseorang pelajar itu mendapatkan pekerjaan dengan segulung ijazah selepas tamat pengajian. Maksudnya, institusi itu hanya berperanan sebagai gedung dan jambatan ilmu dengan memberikan pilihan terbuka kepada pelajar untuk menentukan destinasi mereka yang seterusnya.

Cuba kita bayangkan dalam ribuan graduan terbabit, dapatkah kita jamin semuanya mendapat pekerjaan? Jawapannya hanya ada pada individu sendiri. Jika dilihat daripada sejarah pengangguran di negara ini, masih ramai lepasan graduan mencari pekerjaan kecuali graduan mengikuti kursus perguruan. Ada juga antara mereka terpaksa menunggu setahun atau lebih sebelum mendapat pekerjaan sesuai. Satu pihak cuba menyalahkan graduan universiti kerana terlalu memilih pekerjaan dan satu pihak lagi, menyalahkan pihak kerajaan dan swasta kerana enggan memberi peluang kepada yang kurang berpengalaman. Namun, sejauh manakah kebenarannya? Jika diselidiki bukan semua jawatan tinggi dalam sektor pekerjaan dipegang individu yang memiliki ijazah. Semuanya bergantung kepada strategi setiap individu dalam mengorak langkah dengan bijak.

Apa yang pasti, pada masa kini, segulung ijazah meningkatkan prestij seseorang itu di mata masyarakat. Mereka juga menjadi kebanggaan keluarga kerana bakal mendapat pekerjaan bagus dengan pulangan lumayan. Ia sebuah jaminan untuk kita mendapat lebih daripada mereka yang tidak memilikinya. Paling penting, kita menjadi seorang yang lebih matang dalam berfikir dan bijak mengatur hidup dengan nikmat diperoleh. Realitinya sekarang, segulung ijazah bukan jaminan mendapat pekerjaan. Ramai juga orang kita mampu pergi lebih jauh tanpa segulung ijazah. Jadi, kita tidak harus memberi tekanan kepada diri dengan bertungkus-lumus mendapatkan segulung ijazah hanya untuk mendapatkan pekerjaan. Sewajarnya kita harus bertindak mengikut kemampuan diri. Tidak menjadi kesalahan jika mencari atau mendapat pekerjaan dulu sebelum mendapatkan ijazah. Kita sentiasa ada peluang dan pilihan, di samping itu kita bertanggungjawab dalam setiap keputusan diambil. – rasid5@yahoo.com